


CS CamScanner
LIVEWORKSHEETS

Tarikh: ____________

# Tema 5 Alam Bersih Hidup Sejahtera

*Buku Teks (m.s. 82 ~ 95)*

## Bahagian A

**Tatabahasa**

**Soalan 1 dan 2**

*Pilih jawapan yang* **paling sesuai.**

1. Sikap Ayu ________ semenjak dia bergaji besar.

   A pengubah

   B berubah

   C mengubah

   D diubah

2. Terdapat pelbagai bahan ________ yang disediakan di perpustakaan sekolah SJKC Pei Chin.

   A bacaan

   B pembaca

   C terbaca

   D membaca

kata bilangan 数词
1. suku → $\frac{1}{4}$ & 15分钟 → suku jam 一刻
2. beberapa n个
3. seluruh 全部/整个
4. semua → 全部 → 可以用在人&地方 semua murid ✓
5. setiap → 每一位（一个一个看） setiap murid ✓

**Soalan 3**

*Pilih ayat yang* **betul.**

3.
   A Kakak menyusun suku botol kaca di dalam almari.

   B Adik membuang seluruh tin kosong ke dalam tong kitar semula.

   C Beberapa anggota keluarga bekerjasama membersihkan kawasan rumah.

   D Ibu menggunakan dua helai kain untuk mengelap tingkap.



© Tunas Pelangi Sdn. Bhd.

LIVEWORKSHEETS

CamScanner

## Pemahaman Petikan: Teks Tunggal

### Soalan 4 hingga 6

*Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.*

> Pada hari Sabtu yang lalu, Azim pulang ke kampungnya di Perak. Azim berasa sangat gembira kerana Perak merupakan tempat dia dibesarkan selama 12 tahun. Azim masih ingat akan persekitaran kampungnya yang dikelilingi oleh laut, sungai dan parit. Air di sana sangat jernih dan bersih.
>
> Terdapat pelbagai tumbuhan di sekitar kampung Azim. Antara tumbuhan yang ada ialah pokok bakau dan pokok kelapa sawit. Azim teringat akan datuk dan neneknya yang sering membawanya berkelah di kaki gunung dan di tepi pantai.
>
> Walau bagaimanapun, sejak sebuah kilang dibina tidak jauh dari kampung mereka, keindahan kampungnya mula tercemar. Kebanyakan hutan telah ditebang dan tanah-tanah di kawasan kampung telah *ditarah* untuk dijadikan kolam penternakan. Hal ini telah menyebabkan suhu di sekitar kawasan rumah datuk dan nenek menjadi panas.
>
> Azim berasa sangat sedih apabila mengingatkan kawasan kampungnya yang dulunya indah kini kian tercemar.

4. Petikan di atas membincangkan ~~tentang~~
   - A pembakaran terbuka.
   - B pencemaran udara.
   - C pencemaran air.
   - D pencemaran alam sekitar.

5. Ayat di bawah merupakan keindahan yang terdapat di kampung Azim, *kecuali*
   - A terdapat banyak tumbuhan seperti pokok bakau dan kelapa sawit.
   - B air gunung yang bersih dan jernih.
   - C terdapat gunung dan pantai.
   - D air yang sangat kotor dan berselut.

6. Perkataan *ditarah* dalam petikan bermaksud
   - A dirata.
   - B disempit.
   - C ditinggi.
   - D ~~di dalam.~~ didalam



LIVEWORKSHEETS

## Pemahaman Petikan: Teks Pelbagai

**Soalan 7 hingga 10**

*Baca maklumat dalam* Bahan 1 *dan* Bahan 2 *dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.*

BAHAN 1




BAHAN 2

**PROGRAM KESEDARAN ALAM SEKITAR**

**Apakah itu *pencemaran*?**
- Perbuatan yang mengotorkan kebersihan alam sekitar.

**Lima jenis pencemaran berlaku di negara kita:**
- Pencemaran tanah
- Pencemaran udara
- Pencemaran air
- Pencemaran bunyi
- Pencemaran haba

**Punca-punca berlakunya pencemaran alam sekitar:**
- Pembakaran terbuka
- Pembuangan sampah yang tidak berkala
- Pelepasan asap dari kilang-kilang dan kenderaan
- Pembuangan sisa toksik kilang



© Tunas Pelangi Sdn. Bhd.

LIVEWORKSHEETS

7. Program Kesedaran Alam Sekitar dianjurkan oleh

A Majlis Perbandaran Kajang.

B Majlis Perbandaran Sepang.

C Majlis Perbandaran Selayang.

D Majlis Perbandaran Seremban.

| Pembuangan sisa toksik kilang. |
|---|

8. Penjodoh bilangan yang sesuai bagi perkataan yang bergaris di atas ialah

A biji.

B buah.

C bidang.

D bentuk.

9. Perkataan *pencemaran* dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2** boleh digantikan dengan perkataan

A pembersihan.

B hakisan.

C pengotoran.

D ancaman.

10. Pilih pernyataan yang **tidak benar** tentang **Bahan 1** dan **Bahan 2** di atas.

A Pembakaran terbuka tidak menyebabkan pencemaran alam sekitar. 导致

B Terdapat lima jenis pencemaran yang berlaku di negara kita. 有 五种

C Pencemaran alam sekitar akan mengancam kehidupan.

D Pembuangan sampah sarap yang tidak berkala menyebabkan alam sekitar tercemar.

© Tunas Pelangi Sdn. Bhd.



LIVEWORKSHEETS CamScanner

## Bahagian B

**Pemahaman Petikan dan Tatabahasa**

daripada 从/来自
menyebabkan = mengakibatkan 导致

**Soalan 1**

*Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.*

Fenomena jerebu berpunca daripada aktiviti-aktiviti manusia.

Antaranya, pembakaran terbuka secara besar-besaran. Perkara ini sering berlaku di negara kita kerana terdapat segelintir pihak yang tidak bertanggungjawab melakukan pembakaran terbuka seperti membakar sampah sarap tanpa kawalan.

Selain itu, jumlah kenderaan yang semakin meningkat turut menyumbang kepada masalah jerebu. Fenomena ini terjadi apabila gas-gas yang dilepaskan daripada kenderaan terperangkap dalam lapisan bumi. Partikel-partikel yang terdapat di dalam gas ini terapung di udara dan menyebabkan udara tercemar, sekali gus menyebabkan jerebu.

Akhir sekali, punca lain yang mengakibatkan jerebu ialah kegiatan industri yang tidak terkawal. Terdapat segelintir pengusaha kilang yang tidak menitikberatkan aspek penjagaan alam sekitar. Asap-asap kilang dilepaskan secara terus ke udara kerana mereka tidak mahu menyediakan penapis asap untuk menapis asap yang dilepaskan oleh kilang mereka. Kesannya ialah fenomena jerebu.

Kesimpulannya, jerebu memberikan kesan yang buruk kepada kehidupan. Oleh itu, semua pihak hendaklah berganding bahu dalam menyelesaikan masalah jerebu di negara kita.

1. (a) Petikan di atas membincangkan tentang ____________________.

membincangkan (题目)
membincang tentang (题目).



© Tunas Pelangi Sdn. Bhd.

LIVEWORKSHEETS

(b) Nyatakan **dua** punca jerebu. 两个因素 烟霾

______________________________________

______________________________________

(c) *Bulatkan* **satu kata ganda** *yang terdapat dalam ayat yang diberikan.*

| |
|---|
| Fenomena ini terjadi apabila gas-gas yang dilepaskan dari kenderaan terperangkap dalam lapisan bumi. |

(d) *Pilih dan tuliskan* (BETUL) *bagi ayat yang* **sama maksud** *dengan ayat yang diberikan.*

Selain itu, jumlah kenderaan yang semakin meningkat menyumbang kepada masalah jerebu.

| | |
|---|---|
| Masalah jerebu menyebabkan jumlah kenderaan semakin meningkat. | |
| Masalah jerebu berpunca daripada peningkatan jumlah kenderaan. | |

Kata ganda 双叠

| penuh 满 | separa - 半 | berentak |
|---|---|---|
| 1. rama-rama | 1. rerama | 1. lauk-pauk |
| 2. jentik-jentik 孑孑 | 2. jejentik | 2. simpang-siur |
| 3. layang-layang | 3. lelayang | 3. comot-momot |

© Tunas Pelangi Sdn. Bhd.


CamScanner
LIVEWORKSHEETS

## Respons Kritis dan Kreatif

### Soalan 2

*Baca dan fahami situasi di bawah. Kemudian, berikan pendapat kamu berdasarkan situasi tersebut.*

*Panjangnya jawapan kamu hendaklah* **tidak lebih daripada 30 patah perkataan.**

> Ketika kamu dalam perjalanan pulang ke rumah, kamu ternampak seorang lelaki membuang sampah ke dalam sungai.

**2.** Berdasarkan situasi di atas, apakah tindakan yang akan kamu lakukan?

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________



© Tunas Pelangi Sdn. Bhd.

LIVEWORKSHEETS CamScanner

## Bahagian C

**Penulisan Perenggan**

*Grafik di bawah menunjukkan tentang aktiviti gotong-royong.*
*Tuliskan pendapat kamu tentang* **manfaat aktiviti gotong-royong di sekolah.**
*Jawapan kamu hendaklah ditulis dalam* **satu perenggan.**
*Panjangnya jawapan kamu hendaklah* **tidak lebih daripada 50 patah perkataan.**

**Manfaat Aktiviti Gotong-royong di Sekolah**






CamScanner
LIVEWORKSHEETS

## Bahagian D

**Penulisan Karangan**

*Teliti bahan grafik di bawah. Kemudian, tulis sebuah karangan dalam bentuk* **karangan berformat atau karangan tidak berformat**. *Panjangnya jawapan kamu hendaklah* **antara 50 hingga 80 patah perkataan.**

KESAN PENCEMARAN SUNGAI



______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________



© Tunas Pelangi Sdn. Bhd.

LIVEWORKSHEETS
CamScanner